


Helo Kampus



kampus@utusan.com.my



Oleh MOHD. SAIFUL
MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com



Konsert Alhan Rabbaniyah USIM

Persembahan baharu dalam industri seni berlandaskan syariah

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan Konsert Alhan Rabbaniyah sempena sambutan ulang tahun ke-15 penubuhan universiti awam itu yang berteraskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli pada 21 November depan di Dewan Tuanku Canselor USIM, Nilai, Negeri Sembilan.

Konsert anjuran USIM dan Istana Budaya dengan kerjasama Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) itu bakal menampilkan artis ternama Sharifah Khasif, Datuk Ramli Sarip, Roslan Madun dan Opick.

Utusan Malaysia dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) menjadi rakan media dalam melaporkan berita konsert tersebut.

Konsert persembahan itu turut diserikan dengan keberangkatan tiba Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud yang juga Pro Canselor USIM.

Selain itu, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, konsert kali ini lebih bertenaga dengan jalinan kerjasama antara Istana Budaya dan artis jemputan.

"Konsert Alhan Rabbaniyah yang bermaksud lagu-lagu ketuhanan dirangka untuk mengangkat unsur-unsur keindahan Islam dengan menggabungkan persembahan berbentuk tradisi dan kontemporari serta menampilkan keunikannya yang tersendiri

"Malah ia juga diadakan untuk menonjolkan kesenian dalam konteks yang baik yang sarat dengan ilmu dan mesej untuk mendidik khalayak dalam mewujudkan satu industri baru persembahan seni yang patuh syariah. Selain itu, ia juga mampu menyedarkan masyarakat terhadap Islam yang selama ini dipengaruhi oleh budaya asing yang mungkin bertentangan dengan Islam"

"Dengan adanya persembahan seperti

ini, ia mampu memupuk masyarakat serta pelajar agar lebih menyukai kesenian yang dibenarkan dalam Islam" katanya.

Musa menjelaskan, pengisian Alhan Rabbaniyah akan mengangkat empat tema utama persembahan iaitu ibu bapa, ilmu, Rasulullah dan ketuhanan yang melibatkan beberapa alat instrumen muzik tradisi dan moden seperti gu chen, sitar, rebab, erhu, violin, akustik gitar," katanya.



SENI persembahan artistik, inovatif dan kreatif turut bakal mewarnai Konsert Alhan Rabbaniyah.

Musa berkata, pengkongsian Alhan Rabbaniyah diharap dapat membimbing generasi muda hari ini supaya menyukuri nikmat Allah SWT melalui kefahaman, kesedaran dan keinsafan manusia dengan



DR. MUSA AHMAD

penciptanya.

"Pengisian Alhan Rabbaniyah akan mengangkat empat tema utama persembahan iaitu ketuhanan, Rasulullah, ibu bapa dan pemimpin melibatkan beberapa alat instrumen muzik tradisi dan moden seperti gu chen, sitar, rebab, akustik gitar.

"Selain itu violin, erhu dan gambus yang akan memberi persepsi baharu bahawa Islam bukan hanya boleh dicitrakan dengan unsur timur tengah sahaja tetapi juga unsur kemelayuan

dan ciri-ciri kebudayaan Malaysia,"katanya.

Tambahnya lagi, iringan muzik Orkestra Tradisional Malaysia (OTM) dari Istana Budaya bakal membuka dimensi baharu dalam menjulang kesenian Islam dengan menampilkan pelbagai jenis peralatan muzik yang melambangkan rakyat pelbagai kaum disamping menampilkan budaya satu Malaysia.

Selain itu, konsert ini juga dapat menunjukkan bahawa kesenian Islam itu bukan

hanya boleh dicitrakan dengan unsur timur tengah sahaja tetapi juga unsur kemelayuan dan ciri-ciri pelbagai kaum.

Semua warga Malaysia dijemput hadir menyaksikan Konsert Alhan Rabbaniyah yang menjanjikan satu kelainan dalam konsep persembahan seni berbudaya di Malaysia.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai konsert dan tiket sila hubungi urus setia Konsert Alhan Rabbaniyah di talian 06-7986146 /6107/6108 atau layari www.kebudayaan.usim.edu.my.